

Karnival kerjaya beri peluang pekerjaan

■ ASWANY OMAR

KUANTAN – Kira-kira 529 jawatan kosong ditawarkan kepada graduan di negeri ini melalui Karnival Kerjaya Dan Usahawan 2007 anjuran bersama Universiti Malaysia Pahang dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Pahang.

Karnival selama dua hari yang dijangka berlangsung pada 21 Julai depan, membabitkan 40 syarikat dari seluruh negara yang akan memberi peluang kerjaya dan maklumat terkini mengenai peluang pekerjaan.

Menurut Pengarah JTK, Rahmat Ismail, karnival tersebut bukan sahaja memberi pendedahan mengenai bidang



Ramai graduan yang gagal memenuhi ciri yang dikehendaki oleh majikan terutama teknik berkomunikasi yang betul menyebabkan mereka kecewa kerana tidak dipilih sebagai pekerja."

■ Pengarah JTK, Rahmat Ismail

kerja kepada graduan menganggur malah mereka boleh mendapat banyak maklumat mengenai temu duga dan cara terbaik mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

"Justeru, mereka digalakkan untuk berpakaian kemas dan dalam keadaan bersedia untuk ditemu duga bagi melayakkan mereka ditemu memenuhi jawatan

kosong di syarikat yang menyertai karnival berkenaan," katanya ketika ditemui **Sinar Harian** semalam.

Beliau menjelaskan, sebagai pencari kerja mereka perlu mempunyai kualiti yang baik bukan sahaja dalam bidang akademik malah memenuhi kehendak majikan dengan mempunyai pengetahuan dalam kerja yang ingin diceburi.

"Ramai graduan yang gagal memenuhi ciri yang dikehendaki oleh majikan terutama teknik berkomunikasi yang betul menyebabkan mereka kecewa kerana tidak dipilih sebagai pekerja.

"Oleh itu mereka yang datang untuk ditemu duga perlu bersedia dengan maklumat penting mengenai latar belakang syarikat di samping bijak berkomunikasi kerana ia melambangkan kebolehan dan keyakinan seseorang pekerja," ujar Rahmat.

Beliau juga berharap, karnival yang mensasarkan lebih 5,000 pengunjung itu bakal menjadi titik permulaan kepada graduan dan lepasan sekolah untuk menyertai dunia pekerjaan.